

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]**

**TARIKH : 12.06.2014 (KHAMIS)**

**DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mengapa penyeludupan diesel ke negara jiran terus berlaku walaupun pelbagai usaha dilakukan bagi menyekat jenayah berkenaan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memantau bekalan diesel bersubsidi di negara ini sepanjang masa bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan terhadap bekalan dan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan.

Berdasarkan laporan dan pemerhatian Kementerian, punca utama berlakunya aktiviti penyeludupan diesel ke negara jiran adalah disebabkan oleh perbezaan harga jualan yang amat ketara di Malaysia iaitu RM2.00 seliter berbanding harga jualan di negara-negara di sekitarnya iaitu RM3.01 seliter di Thailand, RM4.48 seliter di Filipina, RM4.46 seliter di Singapura dan RM3.54 seliter di Indonesia. Perbezaan

harga yang ketara ini menyebabkan permintaan yang tinggi dan berterusan terhadap diesel negara di mana Kerajaan telah mengeluarkan subsidi sebanyak 77.35 sen bagi setiap liter diesel yang dijual. Walaupun pelbagai langkah dan tindakan tegas telah diambil, ianya masih sukar untuk membendung kegiatan ini disebabkan pendapatan lumayan yang diperolehi daripada aktiviti penyeludupan haram ini.

Bagi menangani permasalahan ini, Kementerian telah mengambil beberapa langkah pencegahan dan mitigasi seperti berikut:

- i) Mewartakan diesel sebagai barangan larangan eksport di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 berkuatkuasa pada tahun 2011. Melalui pewartaan ini, kuantiti diesel yang dibenarkan untuk dibawa keluar dari negara dihadkan kepada 20 liter sahaja bagi setiap kenderaan;
- ii) Stesen-stesen minyak yang berada dalam lingkungan 50 kilometer dari sempadan hanya dibenarkan membuat penjualan maksimum 20 liter diesel sahaja kepada kenderaan berpendaftaran asing. Notis larangan mengenai perkara ini dipamerkan di semua stesen minyak dan semua pemilik stesen diwajibkan mematuhi arahan ini; dan
- iii) Melarang penjualan diesel melalui bekas atau tong. Penjualan diesel hanya dibenarkan untuk tangki kenderaan sahaja kecuali mendapat kebenaran Pengawal melalui Permit Khas.

**NO. SOALAN: 145**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6987**

**SOALAN:**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik serta jumlah kematian setiap tahun akibat kemalangan jalan raya yang melibatkan bas sejak tahun 2009.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah kemalangan dan kematian yang membabitkan Bas Tahun 2009 hingga 2014 (Januari-April) seperti berikut:**

<b>BAS</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014 (JAN – APR)</b>
<b>KEMALANGAN</b>	<b>9380</b>	<b>9580</b>	<b>9986</b>	<b>8505</b>	<b>10123</b>	<b>2958</b>
<b>KEMATIAN</b>	<b>31</b>	<b>77</b>	<b>29</b>	<b>32</b>	<b>60</b>	<b>16</b>